



INTERNATIONAL RESEARCH JOURNAL  
OF SHARIAH, MUAMALAT AND ISLAM  
(IRJSMI)

[www.irjsmi.com](http://www.irjsmi.com)



KEPEMIMPINAN SUAMI DAN HUBUNGANNYA DENGAN  
KEFUNGSIAN KELUARGA: SATU PERBINCANGAN

*HUSBAND'S LEADERSHIP AND ITS RELATION TO FAMILY FUNCTIONALITY:  
A DISCUSSION*

Siti Halimah Putung<sup>1\*</sup>, Raihanah Azahari<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Department of Fiqh and Usul, Universiti Malaya, Malaysia

Email: iva180016@siswa.um.edu.my

<sup>2</sup> Department of Fiqh and Usul, Universiti Malaya, Malaysia

Email: raihan@um.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 14.04.2021

Revised date: 22.04.2021

Accepted date: 05.05.2021

Published date: 10.06.2021

**To cite this document:**

Putung, S. H., & Azahari, R. (2021).  
Kepimpinan Suami dan Hubungannya  
Dengan Kefungsian Keluarga: Satu  
Perbincangan. International Research  
of Shariah, Muamalat and Islam, 3 (7),  
01-12.

DOI: 10.35631/IRJSMI.37001.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



**Abstrak:**

Keluarga merupakan asas kepada pembinaan masyarakat. Keluarga yang dapat berfungsi dengan baik tidak hanya penting kepada masyarakat bahkan kepada kestabilan dan kemakmuran negara. Namun begitu, kes-kes perceraian yang semakin meningkat, konflik rumahtangga yang tidak berkesudahan, penglibatan anak-anak dengan aktiviti negatif dan tidak bermoral serta pelbagai lagi masalah dalam keluarga menggambarkan kegagalan institusi keluarga berfungsi. Bagi menangani masalah dalam keluarga peranan pemimpin keluarga sangat penting kerana perkara-perkara baik dalam sebuah keluarga tidak terjadi begitu sahaja tanpa adanya perancangan dan persediaan daripada seorang pemimpin. Untuk itu, artikel ini akan membincangkan kepemimpinan suami dalam perspektif Islam dan hubungannya dengan kefungsian keluarga. Justeru itu, sorotan literatur melibatkan kitab-kitab fiqh, tafsir, hadis dan kajian-kajian lepas berkaitan topik dijalankan bagi mendapatkan perbincangan yang menyeluruh. Hasil kajian mendapati kepemimpinan dalam keluarga merupakan kewajipan yang perlu digalas suami dengan sebaiknya. Ketidakefungsian suami sebagai pemimpin keluarga menyebabkan ketidakefungsian sebuah keluarga lantaran itu sebuah perkahwinan boleh difasakhkan. Implikasi dari kajian ini membekalkan pemahaman awal bahawa keluarga yang dapat berfungsi dengan baik sangat bergantung kepada kepemimpinan suami. Justeru usaha memperkukuhkan institusi keluarga seharusnya bermula dari akar umbi kepemimpinan dengan memfokuskan peranan suami.

**Kata Kunci:**

Kepemimpinan, Peranan, Suami, Kefungsian Keluarga, Islam

**Abstract:**

Family is the foundation in the building of a society. Not only to society, but a well-functioning family is also important for the stability and prosperity of a country. However, the increasing cases of divorce, never-ending marital conflicts, children's involvement in negative and immoral activities as well as various other problems within the family have been indicating the failure of a functioning family institution. In order to deal with the problems that arise within the family, the role of the family leader is very important because good things within a family will not just happen without the planning and preparation made by the leader. For that reason, this article will discuss on husband's leadership from the Islamic perspective and its relation to family functionality. Therefore, a literature review involving the books of fiqh, tafsir, hadith, and previous studies related to the topic was conducted to yield a comprehensive discussion. The results of the study found that leadership within a family is a duty that has to be carried out by the husband to the best of his abilities. The dysfunction of the husband in being the leader for his family may result in the dysfunction of the family, due to which a marriage could be dissolved. The implications of this study will provide an early understanding that a well-functioning family is highly dependent on the husband's leadership. Thus, efforts to strengthen the family institution should start from the grassroots of leadership by focusing on the role of the husband.

**Keywords:**

Leadership, Role, Husband, Family Functionality, Islam

**Pengenalan**

Institusi keluarga merupakan institusi terpenting dalam kehidupan manusia. Institusi keluarga tidak hanya tempat manusia berkembang biak bahkan ia mempunyai pelbagai fungsi. Keluarga yang dapat berfungsi dengan baik tidak hanya penting kepada masyarakat bahkan kepada kestabilan dan kemakmuran negara. Namun begitu, kes-kes perceraian yang semakin meningkat, konflik rumahtangga yang tidak berkesudahan, penglibatan anak-anak dengan aktiviti negatif dan tidak bermoral serta pelbagai lagi masalah dalam keluarga menggambarkan kegagalan institusi keluarga berfungsi.

Lantaran itu peranan pemimpin dalam sebuah keluarga sangat penting dalam menangani permasalahan rumahtangga dan memastikan institusi keluarga dapat berfungsi dengan baik, Pemimpin keluarga yang dapat menjalankan kepemimpinannya dengan baik dijangka dapat membangun keluarga yang sejahtera dan menjalankan fungsi-fungsinya (Asmawati et al., 2015). Menurut Doherty, 1997, perkara-perkara baik dalam sebuah keluarga tidak terjadi begitu sahaja tetapi memerlukan perancangan dan persediaan. Dan hal ini sudah tentu tidak terjadi melainkan dengan adanya kepemimpinan yang baik.

Justeru, artikel ini akan membincangkan kepemimpinan suami dalam keluarga kerana suami merupakan pemimpin utama dalam sebuah keluarga daripada perspektif Islam. Artikel juga

cuba membincangkan sejauh mana kepemimpinan suami ini penting dalam sebuah keluarga dengan melihat hubungannya dengan kefungsiannya keluarga.

### **Tinjauan Literatur**

Tinjauan awal terhadap kajian-kajian lepas memperlihatkan aspek kepemimpinan dalam sebuah keluarga sangat penting dan memberikan impak kepada kefungsiannya keluarga.

Pemimpin keluarga yang menjalankan kepemimpinan dengan baik dijangka dapat membangun keluarga yang sejahtera dan menjalankan fungsi-fungsinya (Asmawati et al., 2015). Gaya kepemimpinan yang lebih fleksibel (Sumari et al., 2020) dan aktif (Galbraith, 2000) dalam sebuah keluarga mempengaruhi kefungsiannya/kesejahteraan keluarga.

Kepemimpinan yang mempraktikkan teladan yang baik dalam sebuah keluarga juga menjadikan anak-anak lebih mudah menjalankan tanggungjawab dan didisiplinkan (Sumari et al., 2020). Sebaliknya kepemimpinan keluarga yang gagal menunjukkan teladan baik mengakibatkan anak-anak mudah terpengaruh dengan gejala negatif dan aktiviti yang merosakkan (Sharifah Meriam et al., 2012).

Justeru peranan suami atau bapa sebagai pemimpin utama dalam sebuah keluarga sangat penting dalam menangani masalah sosial (Sumari et al. 2019) perceraian dan keruntuhan institusi keluarga (Kitchens, 2016). Suami yang tidak memberikan didikan agama kepada isteri dan anak-anak menyumbang kepada permasalahan rumahtangga dan perceraian (Muhammad & Jasmi, 2004). Bahkan suami yang tidak mempraktikkan kaedah mendidik isteri ketika isteri nusyuz mengakibatkan permasalahan rumahtangga berlarutan (Junainah 2015). Anak-anak yang tidak mendapat perhatian, bimbingan, input kerohanian, nilai-nilai mulia dan keagamaan, pengawasan dan kawalan tingkahlaku mengakibatkan banyak masalah sosial yang timbul (Hashim et al. 2008, Sumari et al. 2020) meningkatkan kecenderungan mereka melakukan tingkahlaku delinkuens (Zakiyah dan Ismail 2004) serta terlibat dengan gejala negatif dan keruntuhan akhlak (Sharifah Meriam et al., 2012).

Tidak hanya didikan, bimbingan dan pengawasan bahkan kurangnya kasih sayang dan perhatian daripada suami atau bapa mengakibatkan anak dan isteri terlibat dengan aktiviti tidak bermoral. Kajian Maznah, Norulhuda, dan Ezarina 2019, secara tidak langsung memperlihatkan remaja perempuan yang terlibat dengan tingkahlaku tidak bermoral adalah dalam kalangan mereka yang hidup membesar tanpa kasih sayang dan perhatian seorang bapa. Demikian juga isteri yang berlaku curang dan menjalin hubungan terlarang dengan lelaki lain adalah disebabkan kurang perhatian dan belaian kasih sayang dari suami (Julie Roshana 2019).

Sebagai solusi kepada permasalahan ini, Sharifah Meriam et al. 2012 menggesa agar transformasi dalam kepemimpinan keluarga dilakukan dengan memfokuskan komunikasi sebagai aspek yang perlu diberikan keutamaan. Komunikasi yang jelas dan berkesan antara suami dan isteri serta anak-anak dapat mewujudkan keharmonian dalam keluarga selain memberi impak kepada kefungsiannya keluarga terutamanya dalam aspek didikan dan bimbingan.

Kajian-kajian di atas menunjukkan kepemimpinan suami dalam sebuah keluarga merupakan aspek penting yang perlu diberi perhatian kerana memberi pengaruh terbesar kepada kefungsiannya sebuah keluarga. sehubungan itu, Islam sangat memandang serius kepemimpinan suami dalam sebuah keluarga.

## **Kepemimpinan Suami dan Kedudukannya dalam Perspektif Islam**

Umumnya kepemimpinan dalam Islam merupakan suatu proses yang dapat menggerakkan sekumpulan manusia untuk memenuhi kehendak Islam bagi jangka masa pendek dan panjang yang mampu menghasilkan suatu wawasan untuk menuju matlamat Islam (Ahmad Redzuwan, 2004).

Sementara kepemimpinan suami dalam keluarga secara khusus merujuk kepada proses bagaimana suami menjalankan tanggungjawabnya melindungi, menjaga, mendidik, membimbing, mengurus dan mengatur keluarganya selaras dengan kehendak Islam. Hal ini menunjukkan kepemimpinan suami mempunyai pengertian yang luas terangkum padanya kewajipan dan fungsi penting dalam sebuah keluarga (Siti Halimah dan Raihanah 2020).

Dengan sebab itu sarjana Islam dalam bidang fiqh dan tafsir sepakat mengatakan kepemimpinan suami dalam keluarga merupakan kewajipan yang perlu ditunaikan berdasarkan firman Allah S.W.T;

Maksudnya:

*Kaum lelaki adalah pemimpin bagi wanita, kerana Allah telah melebihkan orang lelaki atas wanita, dan juga kerana orang lelaki telah membelanjakan dari harta mereka (4:34)*

Berdasarkan ayat ini, ulama berpendapat suami diberikan tanggungjawab memimpin keluarganya disebabkan dua faktor iaitu;

i. Faktor fizikal; kemampuan lelaki melakukan kerja-kerja berat dan sukar berbanding wanita memberi kelebihan kepada lelaki untuk menggalas tanggungjawab kepemimpinan dalam sebuah keluarga. Selain daripada karakter lelaki yang pada kebiasaannya lebih tegas, kuat dan arif dalam selok belok berkuda, memanah dan mentadbir (Al-Razi, 1999, Al-Qurtubi, 1964, Al-Baghawi, 1999)

Fitrah kejadian dan kecenderungan yang berbeza antara lelaki dan wanita ini telah menatijahkan perbezaan taklif dan hukum, kewajipan dan hak dalam agama (Al-Zuhaili, 1989). Wujud perbezaan antara lelaki dan wanita dalam beberapa perkara berkaitan hukum-hukum dan kewajipan dalam agama ini dilihat sebagai kelebihan lelaki. Misalnya risalah kenabian, kepemimpinan tertinggi, kehakiman yang dikhususkan kepada lelaki (Ibn Kathīr, 1999). Demikian juga kewajipan berperang, melaungkan azan, menyampaikan khutbah, solat jumaat, solat berjemaah, menjadi saksi bagi jenayah melibatkan hukuman hudud dan qisas, menjadi wali dan saksi perkahwinan, mendapat bahagian lebih dalam harta pusaka dan kadar diyat, mempunyai kuasa dalam pernikahan, perceraian dan rujuk, keharusan berpoligami dan hak nasab anak (Al-Qurtubi, 1964, Al-Baghawi, 1999).

Menurut Zulkifli Mohamad, 2010, potensi dan kelebihan seperti keberanian, kekuatan fizikal, kekuatan agama, kekuatan rasional dan tidak mudah didorong perasaan menjadikan lelaki bertanggungjawab memikul tanggungjawab kepemimpinan dalam sebuah keluarga.

ii. Faktor tanggungjawab; sesuai dengan fitrah kejadian dan kecenderungan seorang lelaki, justeru suami dipertanggungjawabkan menafkahi keluarganya, memenuhi keperluan material mereka. Tanggungjawab ini telah bermula sebaik sahaja seorang lelaki berkahwin dengan

seorang wanita melalui pemberian mahar. Kesanggupan suami menggalas tanggungjawab membelanjakan harta untuk kepentingan isteri inilah yang melayakkannya mengemudi rumahtangga.

Ini bermakna tanggungjawab suami memimpin keluarganya tidak hanya disebabkan kelebihan fizikal yang dimiliki semata-mata bahkan bergantung kepada keupayaan suami menggalas tanggungjawab utama kepemimpinan dalam sebuah keluarga iaitu memenuhi keperluan material isteri atau keluarganya.

Sehubungan itu Jumhur ulama berpandangan, hak kepemimpinan suami terhadap isteri akan hilang jika suami gagal memenuhi fungsinya sebagai pemimpin keluarga iaitu menyediakan nafkah kepada isteri dan keluarga. Kegagalan suami menggalas tanggungjawab kepemimpinan ini membolehkan sebuah perkahwinan difasakhkan menurut mazhab Syafi'i dan Malik (Abū 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad bin Abī Bakr, 1964).

Bagaimanapun Abu Hanifah berpandangan sebuah perkahwinan tidak boleh difasakhkan dan suami tetap bertanggungjawab menjalankan kepemimpinannya dalam sebuah keluarga kerana Allah S.W.T berfirman;

Maksudnya:

*Dan jika orang yang berhutang itu sedang mengalami kesempitan hidup, maka berilah tempoh sehingga ia lapang hidupnya (2:280).*

M. Quraish, 2002 juga mengutip pandangan yang sama, suami tetap bertanggungjawab menjalankan kepemimpinan selagi suami masih memiliki kelebihan dari segi fizikal dan intelektual yang merupakan salah satu sebab mengapa suami dipertanggungjawabkan menjalankan kepemimpinan keluarga. Ketiadaan salah satu sebab tidak menggugurkan kewajipan suami memimpin keluarganya kerana dalam kaedah usul ada menyebutkan '*al hukmu yaduru ma'a 'illatih wujud wa 'adam'* yang bermaksud kewujudan sesuatu hukum bergantung pada kewujudan sebabnya (*illat*). Selagi ada '*illat*' (sebab) selagi itulah hukum itu ada (terpakai).

Meskipun ulama berbeza pandangan sama ada perkahwinan boleh difasakhkan atau tidak dalam keadaan suami tidak dapat mampu menggalas tanggungjawab menafkahi keluarganya. Tetapi ulama tidak berbeza pandangan dalam menilai kepemimpinan suami dalam sebuah keluarga adalah kewajipan yang mesti dijalankan. Hal ini memberi petunjuk bahawa kepemimpinan suami dalam sebuah keluarga sangat penting dan kritikal kerana ia berkait rapat dengan tanggungjawab memenuhi fungsi penting dalam sebuah keluarga. Ketidakefektifan suami sebagai pemimpin dalam sebuah keluarga membawa kepada ketidakefektifan sebuah keluarga.

Realitinya kepemimpinan dalam keluarga adalah sesuatu yang berat dan tidak hanya sebatas menanggung keperluan nafkah bahkan perlu memberikan perlindungan menyeluruh kepada keluarganya termasuk menjaga kebajikan dan keselamatan ahli keluarga. Tidak hanya itu, seorang pemimpin keluarga bertanggungjawab mendidik dan memberi pengajaran kepada keluarganya agar setiap tindak tanduk ahli keluarga terkawal dan selari dengan kehendak syarak. Menyerahkan tanggungjawab kepemimpinan bulat-bulat kepada isteri menambahkan lagi bebanan yang dipikul wanita, yang akhirnya menatijakan kecelaruan dalam institusi



kekeluargaan. Kerana hakikatnya isteri hanya bertindak sebagai pembantu kepada suami. Kedudukan kepemimpinan suami dan isteri ini diperjelaskan Rasulullah S.A.W dalam hadis yang bermaksud:

*Ingatlah setiap kalian adalah pemimpin dan setiap dari kalian bertanggungjawab terhadap apa yang dipimpinnya. Seorang imam (pemerintah) yang menjadi pemimpin dalam kalangan manusia dan dia bertanggungjawab terhadap rakyatnya, seorang lelaki adalah pemimpin kepada ahli keluarganya dan dia bertanggungjawab terhadap mereka, seorang isteri adalah pemimpin dalam rumah suaminya dan anak-anaknya dan dia bertanggungjawab terhadap mereka (Riwayat Bukhari)*

Hadis secara langsung menjelaskan bahawa suami adalah pemimpin kepada keluarganya dan bertanggungjawab terhadap hal ehwal mereka sepenuhnya. Sementara isteri pemimpin dalam ruang lingkup rumahnya dan bertanggungjawab terhadap hal-hal yang berkaitan dengan rumah dan anak-anaknya. Ini bermakna suami adalah individu pertama yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal keluarganya termasuk memastikan kefungsiannya.

### **Kefungsian Keluarga dan Hubungannya dengan Kepemimpinan Suami**

Kefungsian keluarga dalam perspektif psikologi merupakan suatu fenomena yang kompleks tetapi boleh ditentukan dengan pelbagai cara (Epstein, Baldwin, dan Bishop 1983). Banyak teori mahupun model dibangunkan bagi menjelaskan kefungsiannya keluarga, antara yang banyak digunakan secara meluas ialah Circumplex Model of Marital and Family Systems. Istilah kefungsiannya keluarga dalam model ini digunakan untuk memahami dinamik hubungan kekeluargaan. Kefungsian sesebuah keluarga bergantung kepada dua aspek iaitu keupayaan ahli keluarga menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku dan kesepaduan dalam hubungan di antara ahli keluarga atau kohesi. Ini bermakna keluarga yang berfungsi ialah keluarga yang mempunyai kesepaduan dalam hubungan dan berupaya menyesuaikan dan menyeimbangkan sebarang perubahan yang wujud dalam sistem keluarga (Norfaezah, 2016).

Penyesuaian dalam keluarga ini berkait rapat dengan bagaimana kepemimpinan dalam sebuah keluarga berfungsi. Kepemimpinan yang tidak terlalu fleksibel dan rigid dijangka dapat menyumbang kepada tahap penyesuaian yang lebih baik dalam sebuah keluarga.

Selain itu model kefungsiannya keluarga MacMaster juga memperlihatkan kefungsiannya keluarga bergantung kepada peranan seorang pemimpin keluarga dalam memastikan keluarga dapat memenuhi fungsinya. Menurut Epstein 1987, fungsi asas keluarga adalah untuk menyediakan keadaan persekitaran yang sesuai bagi membangun fizikal, psikologi, sosial dan aspek-aspek lain dalam sebuah keluarga. Untuk mencapai fungsi asas ini, sistem keluarga perlu menjalankan beberapa tugas yang mencakupi tugas asas seperti menyediakan makan minum, pakaian dan tempat tinggal; tugas pembangunan seperti menyesuaikan dan merangsang pertumbuhan dan perkembangan ahli keluarga; tugas krisis seperti berurusan dengan semua jenis kecemasan dalam keluarga contohnya ketika ahli keluarga sakit, kemalangan atau kehilangan kerja (Dai & Wang, 2015). Kefungsian keluarga diukur berdasarkan enam dimensi iaitu penyelesaian masalah, komunikasi, peranan ahli keluarga, responsif afektif, penglibatan afektif dan kawalan tingkahlaku.

Kefungsian keluarga ini tidak hanya memfokuskan interaksi atau corak hubungan yang terhasil dalam sebuah keluarga bahkan keupayaan keluarga melaksanakan dan memenuhi tanggungjawab dan peranannya. Dan hal ini sudah tentu memerlukan peranan seorang pemimpin dalam sebuah keluarga.

Sementara dalam konteks Islam kefungsian keluarga tidak dibincangkan secara spesifik dan meluas sebagaimana dalam bidang psikologi. Bagaimanapun indikator-indikator yang menjadi ukuran kepada kefungsian keluarga sememangnya aspek penting dalam sebuah keluarga yang asasnya disebutkan di dalam Quran dan Sunnah. Penulis rangkumkan indikator kefungsian keluarga ini kepada tiga aspek iaitu;

### ***Hubungan Baik dan Akrab***

Keluarga yang dianggap sihat dan berfungsi adalah keluarga yang mempunyai hubungan yang rapat, saling terhubung antara satu sama lain. Kerana asasnya hubungan suami isteri itu sangat rapat dan dekat sehinggakan Quran mengumpamakan hubungan suami isteri seperti pakaian kepada pasangannya. Sebagaimana firman Allah S.W.T;

Maksudnya:

*Isteri-isteri kamu itu adalah sebagai pakaian bagi kamu dan kamu pula sebagai pakaian bagi mereka (02:187)*

Hubungan suami dan isteri sangat intim ibarat pakaian kepada pasangannya, menggambarkan kesepaduan dan keintiman antara keduanya. Hubungan seperti ini menjadikan suami isteri sentiasa terhubung dan saling memerlukan antara satu sama lain. Sehubungan itu, al-Zamkhasyarī mengatakan sukar untuk suami mengelakkan diri atau menjauhi isterinya (Abū al-Qāsim Maḥmūd bin ‘Umar, 2009).

Memahami kepentingan aspek ini dalam sebuah keluarga, justeru Rasulullah S.A.W sangat menjaga keintiman hubungannya bersama isteri-isterinya sehinggakan Rasulullah S.A.W dilihat sebagai suami yang sangat romantis, penyayang, prihatin, mesra, responsif dan penuh pengertian. Disebutkan dalam sebuah hadis bahawa Aisyah R.A pernah berkata yang maksudnya;

*“Pada suatu hari, orang-orang berkulit hitam mempertontonkan permainan perisai dan lembing. Aku tidak ingat sama ada aku yang meminta kepada Nabi atau Nabi sendiri yang berkata padaku, adakah aku ingin melihatnya. Aku menjawab, ‘ya.’ Lalu baginda menyuruh aku berdiri di belakangnya, pipiku menempel pipinya. Baginda berkata; ‘teruskan permainan kalian, wahai Bani Arfidah (julukan orang Habasyah)!’ sehingga ketika aku merasa bosan, beliau bertanya, ‘apakah kamu sudah puas?’ aku menjawab, ‘ya.’ Baginda berkata, ‘kalau begitu, pergilah!’” (Riwayat Bukhari dan Muslim)*

Hadis di atas menggambarkan Rasulullah S.A.W seorang suami yang sangat menghargai perkara-perkara yang disukai isterinya. Sehinggakan baginda tidak berasa kekok turut serta dan terlibat sama dalam aktiviti yang disukai isterinya. Dalam psikologi hal ini disebut sebagai “responsif efektif dan penglibatan afek” yang merujuk kepada sejauh mana ahli keluarga bertindakbalas mengekspresikan emosi sesuai dengan konteks dan menunjukkan minat dan penghargaan terhadap aktiviti ahli keluarga yang lain. Kedua-dua aspek ini menjadi ukuran

kepada kefungsiannya keluarga dan ternyata Rasulullah S.A.W terlebih dahulu memahami dan mempraktikkannya dalam kehidupan rumahtangganya.

Rasulullah S.A.W manusia paling sibuk sekalipun tetap memperuntukkan dan meluangkan masa dengan keluarga serta melakukan aktiviti bersama mereka. Rasulullah S.A.W dikatakan pernah berlumba lari dengan Aisyah R.A sebagaimana diceritakan dalam hadis;

*Aisyah bercerita, “Nabi S.A.W berlumba lari denganku dan aku mendahuluinya. Tetapi, ketika badanku gemuk, Nabi S.A.W mengajak lumba lari lagi, namun baginda mendahuluiiku, kemudian baginda berkata, ini adalah balasan (kekalahanku) yang dahulu’.” (Riwayat Ahmad dan Abu Daud)*

Menerusi hadis di atas dapat difahami bahawa meluangkan masa bersama keluarga melalui aktiviti yang dilakukan penting dalam meningkatkan kesepaduan dan mengukuhkan hubungan keluarga. Suami sebagai pemimpin keluarga perlu selalu berinisiatif melakukan aktiviti bersama keluarga, tidak kira aktiviti tersebut berbentuk santai mahupun berupa kewajipan atau tugas yang perlu dilakukan, misalnya menunaikan solat berjemaah bersama ahli keluarga, melakukan kerja-kerja rumah bersama dan sebagainya. Kerana hal tersebut dapat mendekatkan dan mengukuhkan hubungan kekeluargaan.

### ***Komunikasi Keluarga***

Komunikasi keluarga merujuk kepada kesediaan bercakap secara terbuka setiap perkara dalam keluarga sama ada yang disukai mahupun tidak disukai serta kesediaan menyelesaikan masalah-masalah dalam keluarga dengan percakapan yang dijalankan dengan kesabaran, kejujuran dan keterbukaan (Sarwinda, 2018).

Komunikasi keluarga dan keperluan membangun komunikasi yang baik dalam keluarga ini dapat diperhatikan dalam firman Allah S.W.T di bawah;

Maksudnya:

*Kemudian jika keduanya (suami isteri mahu menghentikan penyusunan itu dengan persetujuan (yang telah dicapai oleh) mereka sesudah berunding, maka mereka berdua tidaklah salah (melakukannya) (02: 233).*

Ayat ini memberikan gambaran bahawa komunikasi dalam keluarga sangat penting bagi membincangkan hal ehwal keluarga mahupun masalah yang dihadapi keluarga dalam rangka mencari solusi terbaik yang disepakati bersama. Berdasarkan ayat ini juga dapat difahami komunikasi keluarga sewajarnya berjalan di atas prinsip keterbukaan dan kesepakatan bersama.

Komunikasi keluarga yang berkesan dapat mewujudkan hubungan yang harmoni dan erat seterusnya membentuk keluarga yang cemerlang dan berfungsi (Helmanda dan Pratiwi 2018). Kerana komunikasi merupakan medium terbaik memperkukuhkan hubungan, meluahkan kasih sayang, perhatian dan sebagainya. Setiap persoalan mahupun permasalahan dapat dibincang dan dirungkai bersama dalam rangka mencari solusi terbaik.



Komunikasi yang baik membolehkan pemimpin keluarga mahupun ibu bapa menjalankan tanggungjawab dengan lebih berkesan kerana proses mengasuh, membimbing, mendidik dan memantau aktiviti dan perkembangan ahli keluarga dapat dilakukan dengan lebih baik. Sebaliknya, komunikasi yang bermasalah dalam sesebuah keluarga boleh mendatangkan impak negatif kepada fungsi dan kesejahteraan keluarga serta membawa kepada keruntuhan rumahtangga (Fadillah, 2016) (Noor Syaibah et al., 2016).

Lantaran itu, Islam sangat menitik beratkan kata-kata yang baik dan menilainya sebagai bentuk komunikasi yang menyamai nilai sedekah kerana impaknya kepada hubungan manusia. Sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud;

*Jagalah kalian akan api neraka, walaupun dengan bersedekah sebiji kurma. Maka barangsiapa yang tidak mendapatkan sesuatu yang dapat disedekahkannya maka dengan (ucapkanlah) kata-kata yang baik. (Riwayat Bukhari)*

Menurut Ibn Battal, n.d., kata-kata yang baik dianggap sebagai sedekah kerana kata-kata yang baik mampu menggembirakan orang lain dan dapat menghilangkan perasaan tidak senang dihatinya sebagaimana sedekah.

### ***Fungsi-fungsi Keluarga***

Pembentukan keluarga tidak hanya dapat memenuhi fitrah manusia bahkan dapat memberikan impak kepada masyarakat dan agama melalui fungsi-fungsinya.

Umumnya, fungsi utama keluarga adalah sama dalam semua konteks budaya iaitu reproduksi, sosialisasi, ekonomi dan sokongan emosi (Rozumah dan Mansor 2014). Bagaimanapun terdapat perbezaan fungsi keluarga antara satu budaya dengan budaya yang lain, paling tidak pada perincian dan huraiannya kerana lazimnya keluarga dipengaruhi budaya (M.Quraish, 2015). Hal ini dapat dilihat pada fungsi keluarga dalam perspektif Islam yang terkandung padanya matlamat Islam itu sendiri.

Fungsi utama dalam sebuah keluarga adalah memberikan perlindungan kepada ahli keluarga sama ada antara suami dan isteri mahupun ibu bapa dan anak-anak kerana asas hubungan suami isteri dalam sebuah keluarga adalah saling melindungi antara satu sama lain. Kenyataan ini didasarkan pada firman Allah S.W.T;

Maksudnya:

*Isteri-isteri kamu itu adalah sebagai pakaian bagi kamu dan kamu pula sebagai pakaian bagi mereka (2: 187)*

Ayat ini menggambarkan suami dan isteri ibarat pakaian kepada pasangannya. Menurut Al-Alūsī, n.d., suami dan isteri ibarat pakaian kepada pasangannya kerana masing-masing dapat menutupi dan menghalang pasangannya daripada melakukan perkara-perkara keji dan maksiat. Menunjukkan suami dan isteri masing-masing berfungsi melindungi kehormatan pasangannya, menutupi kekurangan dan kelemahannya sebagaimana pakaian melindungi pemakainya daripada terlihat aib dan cacat celanya..

Tidak hanya itu, pakaian juga berfungsi melindungi pemakainya daripada perkara-perkara yang boleh menyakiti dan mencederakannya sehingga pemakainya berasa selamat dan aman. Demikian juga hubungan suami dan isteri serta keluarga. Keluarga menjadi tempat terbaik seseorang mendapatkan perlindungan sama ada perlindungan fizikal, mental dan emosi. Bahkan keluarga yang baik tidak hanya menawarkan perlindungan fizikal, mental dan emosi tetapi perlindungan agama dan akhlak. Kerana Allah S.W.T berfirman;

Maksudnya:

*Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari api Neraka (66:6).*

Menerusi ayat ini, Allah S.W.T memerintahkan suami sebagai pemimpin dalam sebuah keluarga agar melindungi dirinya dan ahli keluarganya daripada api neraka dengan mengerjakan amalan ketaatan dan meninggalkan segala bentuk kemaksiatan kepada Allah S.W.T. (Ṭabarī, 2000, Ibn Kathīr, 1999, Al-Baghawi, 1999). Sebuah keluarga tidak sewajarnya menumpukan perlindungan terhadap perkara-perkara yang berbentuk fizikal dan material semata-mata bahkan perlindungan agama dan akhlak adalah lebih utama dan kritikal dalam sebuah keluarga.

Justeru bagi mencapai fungsi perlindungan dalam erti kata sebenar, sebuah keluarga perlu memenuhi fungsi-fungsi lain dalam kehidupan berkeluarga yang berkait rapat dengan pemeliharaan agama, keturunan dan kehormatan keluarga, keperluan kasih sayang, didikan dan bimbingan berterusan dalam keluarga, melakukan pemantauan dan kawalan serta memenuhi keperluan material keluarga. Dan hal ini sudah tentu memerlukan watak dan peranan seorang pemimpin dalam memastikan, menggerakkan dan memimpin ahli keluarga sehingga fungsi-fungsi keluarga ini dapat dicapai.

### **Kesimpulan**

Keluarga yang baik dan berfungsi adalah keluarga yang mempunyai hubungan kekeluargaan yang baik dan kukuh, mengamalkan komunikasi yang sihat dan memenuhi fungsi-fungsi keluarga. Keluarga yang dapat berfungsi dengan baik ini sangat bergantung kepada kepemimpinan yang baik. Justeru usaha memperkukuhkan institusi keluarga seharusnya bermula dari akar umbi kepemimpinan dengan memfokuskan peranan suami. Kerana suami adalah individu pertama yang bertanggungjawab terhadap keluarga. Malangnya hari ini usaha memperkukuhkan institusi keluarga lebih tertumpu kepada pemerksaan isteri. Kajian-kajian lebih tertumpu kepada peranan isteri/ibu dalam sebuah keluarga. Sedangkan seorang isteri/ibu masih tertakluk kepada kepemimpinan suami. Menyerahkan tanggungjawab kepemimpinan kepada isteri sepenuhnya bererti menambahkan lagi bebanan yang dipikul wanita, yang akhirnya menatijahkan kecelaruan dalam institusi kekeluargaan.

### **Rujukan**

- Abu 'Abd Allah Muhammad bin 'Umar bin Hasan bin Husin, A.-R. (1999). *Mafātīh al-Ghayb al-Tafsīr al-Kabīr*,. Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabiyy,
- Abū 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad bin Abī Bakr, A.-Q. (1964). *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Dār al-Kutub al-Misriyyah,.
- Abū al-Ḥasan 'Alī bin Khalf, I. B. (n.d.). *Sharḥ ṣaḥīḥ al-bukhārī*. Maktabah al-Rushd.
- Abū al-Qāsim Maḥmūd bin 'Umar, A.-Z. (2009). *Tafsir Al-Kasyāf*. Dār al-Ma'rifah.

- Abū Ja'far Muḥammad ibn Jarīr ibn Yazid ibn Kathīr, A.-Ṭabarī. (2000). *Jāmi' al-Bayān fī Ta'wīl al-Qur'an*. Muassasah al-Risālah.
- Abū Muhammad al-Hasan bin Mas'ud bin Muhammad bin al-Fara, A.-B. (1999). *Tafsir al-Baghawi*. Dār ihyaā' al-Thurāth al-'Arabiyy.
- Ahmad Redzuwan, M. Y. (2004). Tasawwur Kepimpinan Islam. *Ulum Islamiyyah*, 3, 3–34.
- Al-Zuhaili, W. (1989). *Al-Fiqh al-Islamī wa Adillatuh*. Dār al-Fikr.
- Asmawati, D., Fatimah, Y., Zainah, A. Z., Nor Bai'yah, A. K., & Mohd Norahim, M. S. (2015). Kemahiran Keibubapaan, Kefungsian Keluarga Dan Kesejahteraan Psikologi Dalam Kalangan Ibubapa. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 29(2), 32–42.
- Dai, L., & Wang, L. (2015). *Review of Family Functioning*. December, 134–141.
- Doherty, W. J. (1997). *The Intentional Family: Simple Rituals to Strengthen Family Ties*. Avon Books.
- Epstein, N. B., Baldwin, L. M., & Bishop, D. S. (1983). The McMaster Family Assesment Device. *Journal of Marital and Family Therapy*, 9(2), 171–180.
- Fadillah, I. (2016). Faktor Keharmonian dan Keruntuhan Rumah Tangga. *Prosiding PERKEM Ke-11*, 11, 394–399.
- Galbraith, K. A. (2000). *DigitalCommons @ USU All Graduate Theses and Dissertations Family Leadership: Constructing and Testing a Theoretical Model of Family Well-Being*.
- Helmanda, C. M., & Pratiwi, N. (2018). Peranan Komunikasi Keluarga Dalam Perspektif Islam. *Tabligh*, 19, 119–129.
- Ibn Kathīr, A. al-F. I. bin 'Umar. (1999). *Tafsīr al-Qur'an al-'Azīm*. Dār Ṭayyibah.
- Kitchens, L. K. (2016). *Spiritual Innovation: A Faith-Based Model To Equip Men To Become The Spiritual Leaders For The American Family In Crisis* (Issue August).
- M. Quraish, S. (2002). *Tafsir al-Misbah*. Lentera Hati.
- M. Quraish, S. (2015). *Pengantin Al-Quran*. Lentera Hati.
- Maḥmūd Abū Al-Faḍl Syihāb Al-Dīn, A.-A. (n.d.). *Rūḥ al-Ma'ānī*. Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabiyy, ),.
- Maznah, O., Norulhuda, S., & Ezarina, Z. (2019). Meneroka Kefungsian Keluarga Remaja Perempuan Tidak Terkawal Yang Dirujuk Ibu Bapa Untuk Intervensi Kerja Sosial. *Journal of Social Sciences and Humanities E-Bangi*, 16(9).
- Muhammad, A., & Jasmi, K. A. (2004). Pengabaian Tanggungjawab Suami Terhadap Hak Isteri Di Kalangan Orang-Orang Melayu. *Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan 2004*, 1–8.
- Noor Syaibah, S., Norazilah, J., & Norhasima, A. (2016). Perceraian Dalam Kalangan Pasangan Dewasa Pertengahan di Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat ( PAIDHL ): Eksplorasi Faktor. *Jurnal Sains Sosial Malaysia*, 1, 36–52.
- Norfaezah, M. K. (2016). *Kesan Kefungsian Keluarga Asal, Pembezaan Kendiri, dan Sikap Terhadap Peranan Gender ke atas Kualiti Perkahwinan*. Universiti Malaya.
- Sarwinda. (2018). Komunikasi Keluarga Dalam Menanamkan Nilai-Nilai Keislaman Pada Remaja di Desa Tanjung Aman Lampung Utara. *Al-Bayan*, 24(1), 97–126.
- Sharifah Meriam, S. A., Saedah, A. G., Othman, A. R., & Muhamad Zaki, M. (2012). Transformasi dalam Kepimpinan Institusi Keluarga. *International Conference on Islamic Leadership (ICIL)*, 405–426. [http://ddms.usim.edu.my/bitstream/123456789/6033/1/Transformasi dalam Kepimpinan Institusi Keluarga.pdf](http://ddms.usim.edu.my/bitstream/123456789/6033/1/Transformasi%20dalam%20Kepimpinan%20Institusi%20Keluarga.pdf)

- Siti Halimah, P., & Raihanah, A. (2020). Kepemimpinan Suami Dalam Perspektif Islam : Fungsi Dalam Memperkukuhkan Institusi Keluarga. *Syariah*, 2(November 2019), 127–156.
- Sumari, M., Baharudin, D. F., Khalid, N. M., Ibrahim, N. H., & Ahmed Tharbe, I. H. (2020). Family Functioning in a Collectivist Culture of Malaysia: A Qualitative Study. *Family Journal*, 28(4), 396–402. <https://doi.org/10.1177/1066480719844334>
- Zakiyah, J., & Ismail, K. (2004). *Ikatan dan Kawalan Ibu Bapa Terhadap Tingkah Laku Delinkuens* (pp. 1–10). Repo.uum.edu.my
- Zulkifli Mohamad, A.-B. (2010). *Sistem Kekeluargaan Dalam Islam*. Darul Syakir Enterprise.